

**KENYATAAN AKHBAR OLEH
TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ABDUL KADIR BIN HJ SHEIKH FADZIR
PRESIDEN, PARTI IKATAN BANGSA MALAYSIA (IKATAN)
DI KUALA LUMPUR PADA ISNIN 26 OKTOBER 2015**

“RUNDING SEMULA SEGALA PERJANJIAN TOL”

Kenaikan kadar tol yang diputuskan oleh kerajaan baru-baru ini sudah tentu akan menambahkan lagi bebanan yang ditanggung oleh rakyat dan akan meningkatkan lagi keuntungan syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Tol. Sememangnya telah menjadi pengetahuan umum bahawa perjanjian dengan syarikat-syarikat konsesi jalan tol ini adalah terlalu berat sebelah, dibuat tanpa tender dan kebanyakannya diberikan kepada kroni-kroni kerajaan. Kajian rambang mengenai tuan punya syarikat-syarikat tersebut dapat membuktikan hubungan rapat mereka dengan orang-orang tertentu yang kuat dengan kerajaan.

Oleh itu, Parti Ikatan ingin merayu kepada kerajaan yang ada sekarang ini agar dengan bersungguh-sungguh merunding kembali semua perjanjian tersebut dan benar-benar tegas dalam keputusan ini. Ketegasan ini perlu jika kerajaan ikhlas dalam membawa transformasi dalam kerajaan dan benar-benar ingin berbakti kepada rakyat.

Sebagai contoh, baru-baru ini terdapat sebuah syarikat yang dipunyai oleh beberapa individu yang sememangnya sangat berpengalaman dalam pembinaan dan pengendalian Lebuhraya Tol yang telah membuat cadangan bagi **“menswastakan semula”** beberapa lebuhraya tol tersebut.


Dalam tawaran tersebut, syarikat ini sanggup membayar sekitar RM 20 billion bagi penswastaan semula tersebut. Mereka berjanji tidak akan menaikkan kadar tol untuk beberapa tahun. Jelaslah dari tawaran ini bahawa walaupun pihak kerajaan tidak menaikkan kadar tol yang ada sekarang, syarikat-syarikat tersebut masih akan mendapat keuntungan yang besar.

Satu lagi contoh adalah mengenai beberapa kontrak besar yang pihak MAS dahulu terpaksa menandatangani dengan syarikat-syarikat tertentu dalam kontrak pembekalan makanan dan perkhidmatan kepada MAS --- yang mana menjadi antara punca terpenting dalam kerugian besar yang terpaksa ditanggung oleh MAS. **Apabila pimpinan baru MAS membuat keputusan dan bertegas untuk berunding semula kontrak-kontrak ini, maka syarikat tersebut tiada pilihan dan terpaksa bersetuju memberi diskaun-diskaun berbillion ringgit untuk membolehkan mereka terus memberi khidmat berkaitan**

kepada MAS. INI ADALAH SATU LAGI BUKTI, BAHAWA KONTRAK-KONTRAK DAHULU ADALAH PENUH DENGAN PENYALAHGUNAAN KUASA DAN PENIPUAN.

Dua perkara di atas jelas membuktikan bahawa jika pihak kerajaan benar-benar tegas hendak berunding semula perjanjian tersebut dan bersedia juga untuk menghadapi mahkamah, maka syarikat-syarikat tersebut terpaksa bersetuju untuk berunding semula dan bertolak ansur. Jika tidak mereka mungkin akan hilang segala-galanya. **Semua ini adalah bukti bahawa tidak ada keperluan untuk kerajaan menaikkan tol dalam keadaan sekarang atau membayar sebarang gantirugi.**

Rakyat sangat mengetahui segalanya dan mereka telah naik bosan dengan segala penyalahgunaan kuasa pada masa dulu dan terpaksa menanggung bebanan yang kian berat oleh sebabnya. Jika kerajaan benar-benar ikhlas untuk berbakti keadaan ini maka mereka perlu berani untuk berunding semula segala perjanjian tersebut sebab Perjanjian tersebut adalah hasil penipuan dan penyalahgunaan kuasa yang serius.



(TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ABDUL KADIR B. HJ SHEIKH FADZIR)

TARIKH : ISNIN, 26 OKTOBER 2015

